

13 SEP 1996

Anwar-Singapura

REAKSI MALAYSIA LAMBAT KERANA TIDAK MAHU PANJANGKAN ISU

BANGI, 13 Sept (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim hari ini berkata Umno lambat memberikan reaksi terhadap kenyataan Singapura yang mendakwa meritokrasi dan keharmonian kaum tidak wujud di Malaysia, kerana ia tidak mahu perkara itu berpanjangan.

"Kita tidak mahu masalah seperti ini berpanjangan tetapi ia telah diulang-ulang sejak berbangkit pada Jun dan ini mendorong Perdana Menteri memberikan jawapan,"katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selepas mesyuarat Majlis Tertinggi Umno minggu lepas berkata parti itu tersinggung dengan kenyataan para pemimpin Singapura bahawa republik itu mungkin terpaksa bercantum dengan Malaysia jika Singapura gagal dari segi ekonomi dan jika ingin bercantum juga ia mestilah atas dasar meritokrasi.

Dr Mahathir berkata komen mereka berhasrat untuk menakut-nakutkan rakyat Singapura seolah-olah Malaysia tidak mengamalkan meritokrasi. Bagaimanapun beliau menegaskan bahawa kenyataannya itu merupakan pendirian Umno dan bukan kerajaan.

Anwar memberitahu pemberita selepas merasmikan Akademi Percukaian Negara di sini hari ini bahawa "isu itu boleh diperdebatkan tetapi ia tidak semudah itu."

Beliau berkata demikian apabila ditanya kenapa kenyataan dari Singapura itu dijawab agak lambat oleh Malaysia iaitu selepas kira-kira tiga bulan ia dibangkitkan.

Timbalan Perdana Menteri berkata banyak orang boleh mempertikaikan apa yang berlaku di Singapura seperti mana yang dikatakan Perdana Menteri.

Perdana Menteri Singapura (Goh Chok Tong) harus sedar bahawa kenyataan pertama daripada Dr Mahathir agak lembut dan bertolak-ansur sehinggalah perkara itu diulang-ulang, katanya.

Disebabkan itu Perdana Menteri memberikan jawapan yang tegas selepas meneliti dan mengambilkira semua kenyataan yang dibuat oleh para pemimpin Singapura. -- BERNAMA

HT RON